

Nelayan perlu lapor SPRM

*Jika terdapat
penyelewengan
dalam sektor
perikanan*

ROSHILA MURNI ROSLI

KUALA KEDAH

Nelayan diminta membuat aduan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sekiranya terdapat penyelewengan dalam sektor perikanan.

Pengarah SPRM Kedah, Datuk Shaharom Nizam Abd Manap berkata, pengadu tidak perlu gusar mengenai identiti kerana pihak SPRM akan merahsiakan maklumat.

Menurutnya, setakat ini



Shaharom Nizam bersama nelayan dan juga ahli panel pada Majlis Dialog SPRM Bersama Persatuan Nelayan Kawasan Kuala Kedah di Dewan Komuniti Nelayan Kuala Kedah semalam.

pihaknya belum menerima sebarang aduan daripada mana-mana pihak berkaitan penyalahgunaan kuasa dalam sektor terbabit.

"Kita ada terima beberapa surat layang tanpa info yang lengkap.

"Ada sebut di Kuala Kedah, Langkawi dan beberapa

pa tempat, tetapi apabila maklumat tidak jelas, sukar kita buat siasatan," katanya ketika ditemui pada Majlis Dialog SPRM Bersama Per-

satuan Nelayan Kawasan Kuala Kedah di Dewan Komuniti Nelayan Kuala Kedah di sini semalam.

Shaharom Nizam ber-

kata, beliau lebih terbuka sekiranya pengadu berani tampil berjumpa pegawai SPRM dan berbincang mengenai aduan yang ingin dikemukakan.

"Kalau tak mahu tulis surat lengkap dengan maklumat diri, mereka boleh jumpa dengan pegawai SPRM. Segala maklumat mereka akan dirahsiakan," katanya.

Sebelum ini, Ahli Parlimen Kuala Kedah, Dr Azman Ismail menyarankan SPRM memantau sektor perikanan negara bagi memastikan sektor itu bebas rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Beliau menyuarakan keimbangan itu susulan rungutan nelayan yang mendakwa perlakunya penguatu kuasa yang lemah dalam sektor terbabit.